

UKM 3.1/224/8 Jld. IX
7 Julai 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2008

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Universiti

Dengan hormatnya adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Pengarah Universiti telah menerima Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 mengenai langkah-langkah untuk mengurangkan perbelanjaan awam selepas kerajaan membuat penstruktur semula subsidi minyak dan gas dan melaksanakan langkah penjimatan. Di antara tindakan yang berkuatkuasa serta-merta ialah :

- a. **Perjalanan Ke Luar Negara** bagi urusan tugas rasmi ke luar negara hendaklah dihadkan kepada persidangan dan mesyuarat antarabangsa yang penting sahaja dan pegawai yang hadir hendaklah yang terlibat secara langsung dengan tugas dan tidak melebihi tiga orang pegawai.
- b. **Penganjuran Persidangan/Seminar/Kursus/Mesyuarat/Bengkel/Retreat** hendaklah dihadkan dan diadakan menggunakan kemudahan sedia ada dan penggunaan kemudahan hotel hanya dibenarkan bagi mesyuarat/persidangan/seminar/bengkel antarabangsa.
- c. **Sewa/Pengubahsuaian Ruang Pejabat** adalah tidak dibenarkan.



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006


- d. **Pembelian Aset** termasuk alat pengajaran di bawah Belanja Mengurus yang belum komited hendaklah ditangguhkan dan pembelian bagi bahan-bahan keperluan pejabat hendaklah dikurangkan. Sementara itu peruntukan untuk alat pengajaran dan ICT di bawah Belanja Pembangunan akan dikurangkan dan agih semula.
- e. **Majlis dan Upacara Keraian** hendaklah dibuat pada tahap yang sederhana dan tidak melibatkan perbelanjaan besar dan membazir. Bekalan pakaian bagi majlis/upacara pelancaran tidak dibenarkan dan pemberian cenderahati adalah tidak digalakkan. Perbelanjaan untuk mesyuarat perlu dikurangkan dengan hanya jamuan ringan sahaja.

Bersama-sama ini disertakan Pekeliling Perpendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 atau sila layari laman web www.treasury.gov.my. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

Sekiranya terdapat kemosykilan dalam melaksanakan tindakan ini, sila hubungi En. Mohd. Azli bin Mohd. Kasirun di talian 5064 untuk penjelasan lanjut.

Atas kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk melaksanakan tindakan ini diucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,


MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

- sk - Y.Bhg. Dato' Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
- Pendaftar

/BERLAMPIR



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: 03-89253000/5148 Faksimil: 03-89253058 Laman web: www.ukm.my
Mele



KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 9 TAHUN 2008

Semua Pegawai Pengawal/Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan

LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM

TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Badan Berkanun mengenai langkah-langkah tambahan yang perlu diambil bagi mengawal dan mengurangkan perbelanjaan awam.

LATAR BELAKANG

2. YAB Perdana Menteri pada 4 Jun 2008 telah mengumumkan pakej penstruktur semula subsidi minyak dan gas yang akan memberi penjimatan sebanyak RM13.7 bilion. Di samping langkah penstruktur semula subsidi, Kerajaan akan turut mengambil langkah penjimatan untuk memberi fokus yang lebih kepada people centric program dan projek.

LANGKAH-LANGKAH TAMBAHAN MENGAWAL PERBELANJAAN

3. Melalui Pekeling Perbendaharaan Bil. 7 tahun 2008 bertarikh 2 Mei 2008, semua Kementerian/ Jabatan / Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mematuhi Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat. Langkah-langkah tambahan yang perlu diberi perhatian dan dipatuhi oleh Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun adalah seperti berikut:

Pewujudan Jawatan

4. Pewujudan jawatan baru adalah dibekukan kecuali:

- a. jawatan tertentu dan kritikal di mana tugasnya terlibat secara langsung di dalam bidang pendidikan, kesihatan dan penguatkuasaan;
- b. jawatan kritikal yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai khususnya bagi projek-projek baru yang telah siap seperti sekolah, hospital/klinik, balai polis dan sebagainya; dan

c. jawatan yang secara langsung dapat menambah kutipan hasil negara.

Penyusunan Semula Organisasi/ Pewujudan Badan Berkanun

5. Penyusunan semula organisasi Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun tidak dibenarkan kecuali penyusunan semula tersebut bertujuan untuk memperkemaskan struktur organisasi tanpa melibatkan pewujudan jawatan baru atau untuk mengurangkan bilangan tenaga pekerja. Pewujudan Badan Berkanun tidak dibenarkan.

Pengurangan Elaun Keraian

6. Elaun Keraian bagi Y.A.B Perdana Menteri, Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Menteri dan Y.B. Timbalan Menteri akan dikurangkan sebanyak 10%.

7. Perbendaharaan akan menyelaraskan butir-butir mengenai jumlah pengurangan elaun tersebut dan tindakan bagi melaksanakannya dengan Jabatan Perdana Menteri.

Perjalanan Ke Luar Negara

8. Tugas rasmi ke luar negara hendaklah dihadkan kepada persidangan dan mesyuarat antarabangsa yang penting sahaja atau mesyuarat di antara Kerajaan. Pegawai yang hadir hendaklah yang terlibat secara langsung dengan tugas yang dipertanggungjawabkan dan bilangan pegawai tidak melebihi 3 orang pegawai Kementerian/Jabatan.

9. Y.B. Menteri layak membawa hanya tiga pegawai kementerian semasa tugas rasmi ke luar negara manakala Y.B. Timbalan Menteri hanya layak membawa dua pegawai sahaja.

10. Ketua Setiausaha tidak dibenarkan menyertai bersama dalam rombongan Y.B. Menteri untuk tugas rasmi ke luar negara kecuali bagi mesyuarat berjadual tertentu.

Penganjuran Persidangan/Seminar/Kursus/Mesyuarat/Bengkel/Retreat

11. Penggunaan kemudahan hotel hanya dibenarkan bagi mesyuarat/persidangan/seminar/bengkel antarabangsa.

12. Semua kursus, latihan dan bengkel yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi untuk anggotanya hendaklah di had dan diadakan menggunakan kemudahan yang sedia ada termasuk Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) atau kemudahan di Kementerian/Jabatan/Agensi lain.

Sewa/ Pengubahsuaian Ruang Pejabat

13. Sewa ruang pejabat baru/ tambahan, perpindahan pejabat ke bangunan lain atau membuat pengubahsuaian pejabat sedia ada tidak dibenarkan.

Pembelian Aset

14. Sebarang perbelanjaan bagi pembelian aset termasuk pembelian kereta, perabot, komputer dan lain-lain kelengkapan pejabat yang belum komited hendaklah ditangguhkan. Sementara itu, pembelian bagi bahan-bahan kecil keperluan pejabat termasuk bahan percetakan dan alat tulis hendaklah dikurangkan.

15. Bagi aset sedia ada, kerja-kerja penyelenggaraan hendaklah dilaksanakan secara optimum

supaya dapat menjimatkan tenaga dan mengurangkan perbelanjaan dalam tempoh jangka masa akan datang.

Majlis dan Upacara Keraian

16. Majlis dan upacara keraian seperti pembukaan pejabat/persidangan/mesyuarat, penyampaian hadiah, perasmian bengkel/kursus hendaklah dihadkan. Sekiranya perlu diadakan, Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan ianya dibuat pada tahap yang sederhana dan tidak melibatkan perbelanjaan besar dan membazir. Perhiasan dan jamuan hendaklah di tahap sederhana dan majlis sebolehnya hendaklah dibuat menggunakan kemudahan sedia ada Kerajaan.

17. Bekalan pakaian bagi majlis/upacara pelancaran tidak dibenarkan. Pemberian cenderahati tidak digalakkan tetapi sekiranya benar-benar perlu, hendaklah dihadkan kepada buku, kraf tangan tempatan atau produk makanan tempatan.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS 2008

18. Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk mengawal perbelanjaan awam, pemotongan sebanyak 10% akan dikenakan ke atas Objek Am 20000

(Perkhidmatan dan Bekalan) dan Objek Am 30000 (Aset) di bawah Perbelanjaan Mengurus 2008. Selain daripada program/aktiviti yang dikenal pasti di perenggan di atas, sebahagian besar perbelanjaan yang akan dipotong melibatkan aktiviti kempen dan promosi. Namun begitu, jumlah sebenar akan ditentukan oleh Perbendaharaan. Perbendaharaan akan mengeluarkan Waran Sekatan ke atas jumlah potongan setelah ia dimuktamadkan. Butiran lanjut mengenai perkara ini akan dimaklumkan secara berasingan kepada kementerian.

ARAHAN- ARAHAN UMUM

19. Kerajaan Negeri termasuk Agensi-agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah digalakkan mengadakan langkah-langkah kawalan mengikut Pekeliling ini.

20. Pekeliling ini merupakan langkah-langkah tambahan dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 bertarikh 2 Mei 2008 mengenai Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat. Pegawai pengawal hendaklah memastikan garis panduan dan langkah kawalan yang dinyatakan di dalam kedua-dua Pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya.

TARIKH KUAT KUASA

21. Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

9 Jun 2008

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Setiausaha Kerajaan Negeri
Pegawai Kewangan Negeri